

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING]

SOALAN

Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [Mersing] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :

- (a) perancangan untuk menaik taraf Jeti Penumpang Mersing termasuk pembinaan benteng pemecah ombak dan projek mendalamkan Kuala Sungai Mersing; dan
- (b) garis masa bagi Cadangan Perluasan Had Pelabuhan Mersing bagi Fasa 1 dan Fasa 2.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui Jabatan Laut Malaysia (JLM) tiada perancangan untuk menaik taraf Jeti Penumpang Mersing. Kerja naik taraf yang terakhir dilaksanakan adalah pada tahun 2021.
2. Projek Kerja-kerja Pengerukan Berkala di Alur Pelayaran Kuala Mersing, Johor telah diangkat kepada Kementerian Ekonomi (KE) melalui permohonan *Rolling Plan 5* (RP5), Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dan menunggu kelulusan bagi pelaksanaan projek berkenaan. Kerja-kerja pengerukan ini merangkumi skop kerja-kerja pengerukan di alur pelayaran sepanjang 4.1 kilometer dengan 55 meter lebar. Kedalaman alur pelayaran yang akan di keruk adalah sedalam 3.5 meter dengan kecerunan adalah 1 nisbah 5. Sekiranya permohonan ini diluluskan, JLM menjangkakan penawaran tender adalah pada bulan Mac 2025.
3. Manakala di bawah Majlis Pembangunan ECER, pihak konsultan AJC Consultants Sdn. Bhd. telah dilantik untuk menjalankan *Feasibility Study of The Mersing Breakwater at Mersing, Johor Darul Takzim*. Tujuan kajian ini adalah untuk mendapatkan skop dan opsyen mengatasi pemendapan di Sungai Mersing dan untuk mendapatkan maklum balas terhadap opsyen pilihan *stakeholders* untuk diperincikan oleh pihak perunding sebagai *master plan* dalam Rancangan Kawasan Khas Mersing (Pengubahan).
4. Dalam kajian ini, dua opsyen telah dicadangkan iaitu:
 - i. Opsyen 1 – Kerja-kerja pengerukan sahaja.; dan
 - ii. Opsyen 2 – Kerja-kerja pengerukan, pembinaan *breakwater* dan penambakan.

NO. SOALAN: 404

5. Jabatan Laut Wilayah Selatan telah mengadakan sesi libat urus bagi Cadangan Perluasan Had Pelabuhan Mersing secara berfasa bersama pihak-pihak berkepentingan pada 21 Mei 2024.
6. Bagi fasa 1, Cadangan Perluasan Had Pelabuhan Mersing merangkumi pulau-pulau di sekitar Mersing iaitu Pulau Setindan, Pulau Mertang Timur, Gugusan Pulau Rawa (Pulau Rawa, Pulau Mensirip, Pulau Goal, Pulau Kelabang Pari, Batuan Sakit Mata dan Batuan Tikus), Gugusan Pulau Besar (Pulau Besar, Pulau Hujung, Pulau Tengah), Gugusan Pulau Sibu (Pulau Sibu, Pulau Sibu Tengah, Pulau Sibu Hujung, Pulau Tokong Sanggol, Pulau Lima Kecil, Pulau Lima Besar) dan Gugusan Pulau Tinggi (Pulau Tinggi, Pulau Mentinggi, Pulau Nangka Kecil, Pulau Nangka Besar dan Pulau Lanting).
7. Keperluan perluasan Fasa 1 adalah berdasarkan Pelan Pembangunan Daerah Mersing khususnya untuk Pembangunan Sektor Pelancongan Mersing seperti mana merujuk kepada Sesi Libat Urus Pembangunan Mersing di Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri Johor (BPENJ) pada 20 Oktober 2023.
8. Dalam perlaksanaan cadangan Perluasan Had Pelabuhan Mersing, tiada garis masa khusus yang ditetapkan. Di bawah peruntukan seksyen 5 dan 6, Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, kuasa untuk Perisyntiharhan dan Pengubahan Had Pelabuhan adalah kuasa YB Menteri Pengangkutan.
9. Walau bagaimanapun, berdasarkan aliran permohonan cadangan perluasan had pelabuhan, pihak JLWS akan mengemukakan maklumbalas yang telah dikemukakan oleh pihak-pihak yang berkepentingan di dalam sesi libat urus kepada Ibu Pejabat JLM untuk semakan dan seterusnya diangkat untuk tindakan MOT. Anggaran tempoh masa permohonan untuk Fasa 1 ialah enam bulan. Manakala untuk Fasa 2 pula, adalah bergantung kepada keperluan semasa untuk perluasan had pelabuhan berdasarkan keperluan pembangunan dan aktiviti-aktiviti marin dan perkapalan semasa.

Sekian, terima kasih.